

Seruan Timbalan PM kepada orang2 Melayu

Disiplin perlu dalam tiap pengurusan sekiranya ingin maju



DR. MAHATHIR

PELABUHAN KELANG, Jumaat—Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed menyeru orang-orang Melayu supaya berdisiplin dalam pengurusan jika ingin maju di bidang perniagaan.

Bellau membuat seruan ini ketika merasmikan mini-ekspo perdagangan anjuran bersama UMNO Cawangan Pelabuhan Kelang dan Dewan Perniagaan Melayu Selangor Cawangan Pelabuhan Kelang di sini hari ini.

Katanya, orang-orang Melayu telah berjaya dalam politik kerana mereka berdisiplin dalam bidang itu

sebagaimana yang terdapat dalam parti UMNO.

"Tetapi orang-orang Melayu masih belum berdisiplin di bidang perniagaan, khususnya dari segi pengurusan," jelasnya.

Menurutnya, disebabkan orang-orang Melayu belum cukup berdisiplin dalam bidang pengurusan kerana itulah mereka belum cekap dan sering gagal dalam perniagaan.

Katanya, kelemahan-kelemahan tersebut bukanlah tidak boleh diatasi tetapi orang-orang Melayu mestilah sanggup terus berusaha dan melatih diri sebagaimana mereka membentuk diri berdisiplin seterusnya mencapai kejayaan dalam bidang politik.

"Saya yakin satu masa nanti orang-orang Melayu juga akan berjaya dalam bidang perniagaan sebagaimana yang mereka capai dalam bidang politik."

Bagaimanapun, tambah Datuk Seri Dr. Mahathir kejayaan itu tidak akan tercapai dengan sendirinya, tetapi orang-orang Melayu hendaklah berusaha dan melatih diri dalam lapangan perniagaan.

Kerajaan, katanya melalui Pusat Daya Pengeluaran Negara sentiasa memberi latihan perniagaan kepada rakyat di negara ini tetapi malangnya tidak ramai orang Melayu yang menyertainya.

"Saya harap orang-orang Melayu khususnya mereka yang berkecimpung dalam bidang perniagaan yang masih memerlukan bimbingan, menggunakan segala kemudahan latihan yang disediakan oleh kerajaan.

Bijak

"Jangan menganggap masa untuk menghadiri latihan itu akan merugikan perniagaan, tetapi mestilah sedar bahawa pengetahuan yang diperolehi dalam latihan itu akan dapat meningkatkan kejayaan seseorang," katanya.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir sesebuah negara tidak akan wujud lama tanpa kekayaannya, tetapi kekayaan tidak akan wujud tanpa diusahakan.

"Oleh itu orang-orang Melayu mestilah bijak untuk mengeluarkan hasil kekayaan yang terdapat di negara ini dengan pengetahuan dan pengurusan yang baik dan berdisiplin," tegasnya.

Katanya, sebagai contoh getah menjadi hasil utama negara ini. Getah juga boleh ditanam di negara-negara lain tetapi kerana negara-negara berkenaan tidak tahu mengurus perusahaan getah dengan baik, mereka tidak menjadi pengeluar getah yang terkenal.

"Sebaliknya negara kita bijak dan tahu mengurus perusahaan getah dengan baik, maka negara ini telah terkenal sebagai pengeluar getah yang terkemuka di dunia walaupun getah bukan berasal dari negara ini," katanya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No.

No.

30/8